



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 13 JULAI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ORGANIC FOOD INDUSTRY AS AN ENGINE OF AGRICULTURAL GROWTH, SPEAK UP, THE SUN-9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-50 JUBLI EMAS, SINAR HARIAN	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	INOVASI TEMPE COKLAT, BISNES, HARIAN METRO-20	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	PAHANG LARANG SEMBELIH HAIWAN KORBAN DI TEMPAT PERSENDIRIAN, NEGERI, SINAR HARIAN-23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
5.	WANITA LAPOR POLIS TEMUI BANGKAI KUCING DALAM MESIN BASUH, NASIONAL, BERITA HARIAN-15	
6.	3 KUCING KENA DOBI, LOKAL, HARIAN METRO-17	
7.	HARGA AYAM TIDAK LEBIH RM9 SEKILOGRAM, NASIONAL, BERITA HARIAN-14	LAIN-LAIN
8.	ROSOL: CHICKEN WILL NOT EXCEED RM9 PER KG NEXT MONTH, NATION, THE STAR-4	
9.	HARGA AYAM BAWAH RM9 SEKILOGRAM, NASIONAL, SINAR HARIAN-14	

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Organic food industry as an engine of agricultural growth

GIVEN that Malaysia's organic food industry is less welcoming to new entrants, participation in this sector should be promoted to Malaysians of all ages because its production is proven safe and healthy.

What is more, graduates who have yet to secure regular jobs should also join the sector to make a significant contribution to economic growth.

The Ministry of Agriculture and Food Industry is also encouraging them to venture into the agricultural sector such as organic rice farming to generate income while offering them a chance to join the "Young Agropreneur" programme.

As the Covid-19 pandemic has resulted in rising unemployment, the sector's involvement is part of an effort to reduce the country's unemployment rate.

In the US, organic food is the largest segment of the global market for organic foods and beverages, with a market share of 84.1%. At the same time, North America is the leading regional food and beverage market for organic foods.

It happens because organic imports are playing a crucial role in the US market because of the challenge faced by organic producers over the past decade to meet the increasing consumer demand for the products.

Whereas the Centre for Research in Biotechnology for Agriculture at the University of Malaya has reviewed the local organic food industry is still small, with more than 60% of natural food products imported.

Over the past decades, the government's initiatives to encourage people to lead a healthy lifestyle appears to have been successful as demand for organically grown foods has increased significantly due to their possible health benefits and food safety assurance.

Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Che Abdullah Mat Nawi has said the increased demand for organic rice is attributable to Malaysians' healthier lifestyles.

He also stressed that organic padi farming would produce a better return than traditional agriculture due to low water usage and limited use of padi seeds.

It is also proven safe for public health, because organic food in its manufacturing

process is natural and chemical-free, which is ultimately suitable for consumption.

But the only concern is that the availability of local organic foods cannot satisfy the increased demand, limiting the selection of local organic foods.

Other benefits of organically grown foods include higher dry matter levels, particularly for leafy vegetables and tubers, more top-quality proteins with better amino acid ranking, and more magnesium, iron, phosphorus and other healthy elements.

On the environmental effect, organic farming increases soil's physical-biological properties consisting of more organic matter, biomass, higher enzymes, more excellent soil stability, improved water percolation, holding capacity, lower water and wind erosion.

It also requires less energy and creates less waste per unit area or yield, and is less environmentally harmful as it does not require synthetic pesticides.

As a comparison, conventionally grown foods have immense adverse health effects due to the presence of higher pesticide residue, more nitrate, heavy metals, hormones, antibiotic waste and genetically modified organisms. They are also less nutritious and contain fewer protective antioxidants than organically grown foods.

To promote organic farming before this, the International Federation of Organic Agriculture Movements has suggested the four fundamental principles of organic agriculture: health, ecology, fairness, and care.

Some of the principles' advantages will motivate and enhance biological cycles in the agricultural system, preserve and enhance soil fertility, minimise all forms of pollution, avoid the use of pesticides and synthetic fertilisers, and produce high-quality food in sufficient quantities.

There are also many revised government policies and regulations aimed at fostering further development and promoting the organic food industry, including the National Agro-Food Policy, Third National Agriculture Policy, and Tenth Malaysia Plan.

Still, it seems futile without proper implementation plan and the public's unwillingness to join the industry.

As in India, the country before this was far behind in the adoption of organic farming for several reasons, but it has now achieved rapid growth in organic agriculture until it has now become one of the world's largest organic producers.

Thus, with the advent of various advanced technologies in Malaysia, it will serve as a model for our country to succeed in organic farming. However, the organic food industry does have some concerns and problems to be considered.

Some of the problems are the lack of incentives and public interest in the quality of natural products, heightening the farmers' scepticism about embracing organic agriculture.

Thus, farmers tend to forget about organic food production to cut costs and gain people's confidence in food safety and price. Apart from this, it is clear that organic foods do appear to cost a lot more than other groceries, as these typically come at a premium price in most supermarkets.

Part of it is a matter of supply and demand, and organic produce, meat, and dairy often require more money than conventional products to grow.

HelpGuide, a non-profit mental health and wellness website has encouraged people to shop on the farmers' market, join food cooperatives, support community-supported agriculture farms, purchase seasonally and compare prices at grocery stores, farmers' markets, online and elsewhere to manage their spending on organic food.

So, the government should review the organic farming policy on an ongoing basis and shift the paradigm to ensure the organic food industry becomes a growth engine for the agricultural sector.

Besides, comprehensive strategies and collaboration from the producers and marketers are needed to gain public cooperation and trust to ensure the industry's success.

Farhan Kamaruzzaman is a research assistant at EMIR Research, an independent think tank focused on strategic policy recommendations based on rigorous research. Comments: letters@thesundaily.com

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2020	SINAR HARIAN		5



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
 "MADA - Nadi Jelapang Padi Negara"

Ikhlas daripada

Pihak Pengurusan dan Warga Kerja BERNAS



Headline	Inovasi tempe coklat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	20	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	344 cm ²
Journalist	Noor Hidayah Tanzizi	AdValue	RM 13,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,500



Inovasi tempe coklat

Inovasi makanan tradisi, moden buka pintu rezeki ibu tunggal



Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Kampung Gajah

Hidangan berasaskan tempe bukan juadah asing bagi penduduk negara ini terutama dalam kalangan masyarakat Jawa dan ia menjadi kelebihan kepada seorang ibu tunggal yang menghasilkan inovasi coklat tempe di bawah jema nama Missla.

Pengusahanya, Junaidah Abdul Moin berkata, biarpun kombinasi dua makanan itu janggal, ia tetap memberikan rasa seimbang dan unik, sekali gus menonjolkan rasa tempe tanpa menutup rasa asli coklat.

Menurutnya yang mula menghasilkan tempe sejak 2006, inovasi makanan itu dicituskan anaknya yang mahu produk tempe dipelbagaikan dan mereka mula menghasilkan coklat tempe pada 2013.

"Saya juga hairan bagaimana mahu gabungkan dua makanan ini kerana belum pernah lihat orang buat cok-



JUNAIDAH dan anaknya, Nash Adl Putra menyilapkan coklat tempe tempahan pelanggan.

lat campur tempe.

"Tetapi kami cuba untuk mencari kelainan biarpun lebih 10 kali gagal sebelum saya mendapat bantuan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) selama lapan bulan," katanya ketika ditemui di bengkel industrinya di Felcra Bandar Seberang Perak, Changkat Lada di sini.

Menurutnya, mereka menghasilkan tiga jenis coklat berasaskan tempe iaitu asli, coklat putih dan

buah-buahan.

"Setiap bulan kami gunakan 100 kilogram coklat dan tempe dihiris nipis sebelum dipanggang supaya lebih ranggup. Kemudian ia dihandurkan dan diadun bersama coklat.

"Coklat tempe dihasilkan tiga kali seminggu dengan jumlah pengeluaran lebih 72,000 bar sebulan manakala tempe segar dihasilkan setiap hari," katanya.

Junaidah yang juga pesakit kanser payudara tahap tiga sejak lima tahun lalu ber-

kata, biarpun nisbah penggunaan dua bahan itu berbeza namun inovasi itu tetap memberikan rasa seimbang melalui tempe hancur.

"Ramai terkejut dan pelik apabila diberitahu kombinasi dua makanan ini, tetapi mereka memberi reaksi positif selepas merasainya.

"Tak semua orang suka tempe terutama kanak-kanak, tetapi inovasi ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka merasai juadah warisan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	23

Pahang larang sembelih haiwan korban di tempat persendirian

KUANTAN - Umat Islam di negeri ini tidak dibenarkan melakukan penyembelihan haiwan korban sempena Aidiladha di tempat persendirian.

Berdasarkan garis panduan dikeluarkan Pejabat Exco Hal Ehwal Islam, Pelajaran dan Kesihatan Pahang, penyembelihan haiwan korban hanya dibenarkan dilakukan di tempat-tempat ditetapkan dalam garis panduan pelaksanaan ibadah korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Menurut kenyataan itu, penyembelihan boleh dilakukan di lima rumah penyembelihan (abat-oir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di Kuantan, Temerloh, Bentong, Raub dan Lipis.

"Penyembelihan haiwan korban juga boleh dilakukan di rumah penyembelihan ruminan swasta yang dilesenkan JPV," katanya.

Kenyataan tersebut turut memberitahu, masjid, surau, kandang dan tempat penyembelihan yang mempunyai peralatan serta kemudahan penyembelihan korban juga dibenarkan tetapi perlu memohon kebenaran daripada Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing.

Katanya, penyembelih haiwan perlu memiliki Sijil Tauliah Penyembelihan JAIP atau telah mendapat perakuan sebagai penyembelih oleh Pejabat Agama Islam Daerah dan haiwan korban perlu mendapat pengesahan atau permit daripada JPV.

"Bagi proses penyembelihan di masjid, surau dan lain-lain tempat penyembelihan, penganjur perlu menyediakan kandang sekiranya haiwan korban dihantar lebih awal.

"Penganjur juga perlu menye-

diakan tempat sembelihan yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan selain tempat melapah dan membungkus.

"Mereka juga perlu ada kaedah dan menyediakan tempat pembuangan najis, darah dan anggota haiwan tidak diperlukan," katanya.

Tambahnya, tempat menunggu juga perlu disediakan jika proses agihan daging korban dilakukan di masjid atau surau dengan menandakan jarak sekurang-kurangnya satu meter di tempat penyembelihan, tempat melapah dan tempat agihan.

"Penganjur juga perlu menentukan jumlah bilangan haiwan sembelihan yang sesuai dengan kemampuan tenaga kerja dan keluasan ruang pada hari-hari dibenarkan bagi mengelak kesesakan.

"Sebagai langkah mengawal penularan pandemik koronavirus (Covid-19), jumlah kehadiran pada satu-satu masa sembelihan tidak melebihi 20 orang tertakluk kepada keluasan ruang," ujarnya.

Katanya, semua yang hadir perlu mematuhi garis panduan dan tatacara yang disediakan antaranya memakai penutup muka, menggunakan pensanitasi tangan, saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran.

Jelasnya, mereka yang mempunyai simptom, bergejala, kanak-kanak dan remaja bawah 15 tahun serta golongan berusia yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir ke tempat penyembelihan.

"Pematuhan kepada panduan yang ditetapkan itu akan dipantau secara bersepadu oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIP, JPV, Pejabat Agama Islam Daerah, penganjur dan ahli jawatankuasa masjid atau surau terlibat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Wanita lapor polis temui bangkai kucing dalam mesin basuh

Kuala Lumpur: Seorang wanita membuat laporan polis selepas menemui tiga bangkai kucing dipercayai dibunuh dengan dimasukkan ke dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi di Kepong, di sini, awal pagi semalam.

Laporan itu dibuat di Balai Polis Desa Jaya, di sini, selepas saksi berusia 30-an itu menemui bangkai haiwan berkenaan kira-kira jam 9 pagi semalam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika, berkata mengikut rakaman kamera litar tertutup (CCTV), pemilik dobi itu mendakwa melihat kelibat seorang lelaki memasukkan kucing berkenaan ke dalam mesin basuh, jam 5.30 pagi.

"Pemilik dobi sudah menyerahkan salinan rakaman itu kepada wanita berkenaan untuk disertakan dalam laporan polis yang dibuat. Saksi kejadian itu diminta menyimpan bangkai kucing sehingga Unit Regulatori Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) datang ke lokasi kejadian untuk buat siasatan.

"Pembuktian ini amat penting untuk kes yang kukuh dan proses pendakwaan. Hukuman penjara maksimum tiga tahun dan denda maksimum RM100,000 menanti pelaku mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015," katanya dalam satu kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Pada 5 Disember tahun lalu, seorang pekerja kontrak yang memasukkan seekor kucing bunting di dalam mesin pengering di sebuah dobi layan diri, dihukum penjara 34 bulan dan didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Selayang.

Lelaki itu didakwa dengan kejam atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa perbuatan menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing di premis dobi di Taman Gombak Ria, Batu Caves, di sini antara jam 12.54 tengah malam dan 1 pagi, pada 11 September 2018.



Pemilik dobi itu mendakwa melihat kelibat seorang lelaki memasukkan kucing berkenaan ke dalam mesin basuh.

**Arie Dwi Andika,
Presiden Persatuan
Haiwan Malaysia**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2020	HARIAN METRO	LOKAL	17

3 kucuing kena 'dobi' di sebuah kedai layanan diri

Oleh Suraya Roslan dan Nurul Hidayah Bahaudin
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Luhur hati seorang wanita apabila melihat tiga kucuing dibunuh kerana dengan dilemaskan dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layanan diri di Kepong di sini.

Tindakan kejam itu dipercayai dilakukan seorang lelaki berusia 30-an kira-kira jam 5.30 pagi semalam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia Arie Dwi Andika berkata, kejadian disedari jam 9 pagi oleh seorang wanita berusia 30-an yang mahu menggunakan perkhidmatan mesin dobi layanan diri itu.

"Sebaik membuka pintu mesin basuh, wanita itu ter-

kejut melihat tiga ekor kucing mati dipercayai akibat lemas.

"Wanita itu kemudiannya membuat laporan di Balai Polis Taman Ehsan, Kepong, supaya tindakan segera dapat diambil terhadap individu yang melakukan pembunuhan itu," katanya kepada Harian Metro.

Arie berkata, pihaknya menggesa supaya tindakan segera diambil terutama oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) supaya hukuman setimpal dapat dikenakan terhadap pelaku.

"Kami menggesa kes ini dibuka mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 memandangkan ia kes berat. Kami berharap JPV dapat mengambil tindakan segera.

"Berdasarkan akta ini, pesalah boleh dikenakan hu-



RMKAYAN CCTV menunjukkan suspek yang dasyati dalam kejadian di sebuah kedai dobi layanan diri di Kepong.

kuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara setahun hingga tiga tahun," katanya.

Menurutnya, hasil siasatan pihaknya mendapati tiga kucuing itu adalah kucing jantan dan pihaknya turut menerima laporan daripada saksi kejadian itu.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berhubung kejadian itu yang tular di media sosial memaparkan seorang lelaki memakai songkok memasukkan tiga kucuing ke dalam mesin basuh di kedai dobi berkenaan.



KADAMUAN tiga ekor kucing yang mati selepas dilemaskan menggunakan mesin basuh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14



**Ayam yang
diternak boleh
mula dijual sekitar
usia 35 hari dan
bukannya 45 hari.**

**Sekarang, harga ayam
sekitar RM8
sekilogram dan kita
nampak ada
keberanan dengan
apa yang dijanjikan
oleh golongan
peniaga.**

**Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**

'Harga ayam tidak lebih RM9 sekilogram'

**KPDNHEP, wakil
penternak capai
kata sepakat**

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan harga ayam di pasaran runcit tidak akan melebihi RM9 sekilogram menjelang Aidiladha ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata ia susulan persepaktan yang dicapai di antara kerajaan dengan wakil penternak ayam menerusi perbincangan baru-baru ini.

"Setakat awal bulan ini, pegawai KPDNHEP di seluruh negara mendapati harga ayam sudah mula turun sehingga RM8.20 sekilogram. Contoh di Terengganu, harga ayam pernah mencecah RM9.60 sekilogram dan menjelang Ogos, harga akan turun.

"Ayam yang diternak boleh mula dijual sekitar usia 35 hari dan bukannya 45 hari. Sekarang, harga ayam sekitar RM8 sekilogram dan kita nampak ada keberanan dengan apa yang dijanjikan oleh golongan peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program tinjauan mesra di Pasar Ayam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MABMB) di Bachang, di sini, semalam.

Yang hadir sama, EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Ismail Othman, EXCO Pertanian, Penterakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Bakke dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

Rosol turut memberi jaminan bekalan barangan mentah mencukupi menjelang sambutan hari raya korban akhir bulan ini dan menasihatkan pengguna mengambil langkah penjimatan dalam setiap urusan berbelanja.

Sementara itu, beliau berkata, KPDNHEP Melaka terus menjalankan aktiviti pemeriksaan di

seluruh negeri bagi memastikan barang keperluan asas pengguna sentiasa mencukupi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini.

Sejak 1 Januari hingga Jumaat lalu, katanya, sebanyak 10,705 premis perniagaan diperiksa meliputi semua lapisan perniagaan iaitu peruncit, pemborong, pengilang dan peladang.

Beliau turut memaklumkan, KPDNHEP negeri menerima sebanyak 511 aduan rasmi yang rata-ratanya berkaitan harga.

"Selain itu, 74 notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencakutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan bagi mendapatkan maklumat perhal harga disyaki berlaku pencatutan," katanya.

Beliau meminta pengguna yang ingin membuat aduan berkaitan Kementerian itu, menghubungi Pusat Arahkan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP Putrajaya di talian 03-88826088.

Rosol: Chicken will not exceed RM9 per kg next month

MELAKA: The retail price of chicken nationwide will not exceed RM9 per kg by August, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

This was the assurance given by industry players during a meeting with the ministry recently following the surge in the price of chicken during the movement control order (MCO) period, he said.

However, checks conducted by the ministry until early this month found that some traders were selling chicken for between RM8.20 and RM8.69 per kg, he said after a walkabout to check on prices at the historic Melaka city council public market here yesterday.

Previously, reports went viral that the price of chicken in Terengganu had shot up to RM10.50 per kg.

Two days ago, the ministry confirmed that there was an increase of between 10 sen and RM1.50 per kg for chicken during the period of June 4 to 19.

Rosol said the prices of essential goods would continue to be monitored, especially ahead of the Aidiladha celebration at the end of this month.

On the high price of durian, Rosol

said the ministry was looking for the best way to resolve the issue, including obtaining views from Agriculture and Food Industries Ministry.

"We will discuss how to control the prices of durian as there are many varieties of the fruit, such as the D24, Udang Merah, Beserah, Musang King and IOI," he said.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Harga ayam bawah RM9 sekilogram

KPDNHEP jamin harga ayam turun bermula Hari Raya Aidiladha nanti

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Penternak ayam di negara ini memberi jaminan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menetapkan harga ayam tidak melebihi RM9 sekilogram menjelang Ogos depan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, kata sepakat penurunan harga ayam dicapai setelah perbincangan antara pihak kementerian dengan wakil penternak ayam diadakan baru-baru ini.

Menurutnya, jaminan itu sekali gus memberi gambaran bahawa isu harga ayam yang sering timbul menjelang musim



Rosol (tengah) bersama Norhizam (kanan) dan Ismail (kiri) meninjau harga ayam di Pasar Awam MBMB, Bachang semalam.

perayaan tidak akan berlaku pada musim Aidiladha nanti.

“Setakat awal Julai ini, KPDNHEP di seluruh negara mendapati harga ayam telah mula turun sehingga RM8.20 sekilogram.

“Di Terengganu harga ayam pernah mencecah sehingga RM9.60 sekilogram dan menjelang Ogos harga akan turun kerana anak ayam dah boleh dijual sekitar tempoh 35 hari dan bukannya 45 hari.

“Sekarang harga ayam sekitar RM8 sekilogram. Kita dah nampak ada kebenaran apa yang dijanjikan oleh peniaga dan dijangka harga ayam akan turun lagi walaupun menjelang musim perayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika program Jelajah Mesra Pasar Awam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini semalam.

Hadir sama, Exco Perpa-

duan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna Melaka, Datuk Ismail Othman; Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

Rosol berkata, kerajaan turut memberi jaminan barangan mentah mencukupi menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha akhir Julai ini dalam masa sama menasihatkan pengguna mengambil langkah berjaga-jaga dalam berbelanja.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, pihaknya juga sedang mencari mekanisme terbaik dalam menyelesaikan isu harga durian melampau termasuk mendapatkan pandangan pakar daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL